

Gabungan kerja dari rumah dan pejabat paling ideal

Kuala Lumpur: Model hibrid secara bersasar iaitu gabungan bekerja dari rumah (WFH) dan di pejabat serta sistem penggiliran disifatkan paling ideal sekiranya pengaturan WFH bagi pekerja sektor awam diperkenalkan.

Penganalisis ekonomi berpendapat mekanisme yang tepat amat diperlukan kerana ia berkait rapat dengan tahap produktiviti, selain memastikan sasaran penjimatan tenaga yang ditetapkan kerajaan dapat dicapai secara optimum.

Penganalisis ekonomi dari IRIS Institute, Dr Adilah Zafirah Mohd Suberi, berkata pelaksanaan WFH perlu diteliti berdasarkan konteks semasa dan tidak boleh disamakan dengan pelaksanaannya ketika gelombang COVID-19.

“Apa yang perlu dilihat ialah sama ada WFH benar-benar menjimatkan tenaga atau hanya mengalihkan beban kos tenaga daripada kerajaan kepada rakyat.

“Pada pandangan saya, pelaksanaan WFH dalam sektor awam tidak boleh dilaksanakan sepenuhnya kerana situasi sekarang tidak sama seperti ketika pandemik dahulu,” katanya kepada BH.

Terdahulu, Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Datuk Fahmi Fadzil memaklumkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah mengarahkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz untuk meneliti cadangan pelaksanaan BDR.

Langkah itu bertujuan memastikan kesinambungan operasi kerajaan dalam menghadapi kesan konflik geopolitik, dengan keputusan dijangka dibuat pada mesyuarat Kabinet minggu depan.

Tak semua sektor sesuai

Adilah Zafirah berkata, tidak semua sektor awam sesuai melaksanakan WFH dan ia perlu dikategorikan mengikut jenis tugas serta keperluan kerja.

Katanya, sektor yang paling sesuai untuk WFH ialah pentadbiran, kewangan dan analisis data, manakala kesesuaian sederhana termasuk sektor penyelidikan, pendidikan tinggi dan agensi tertentu.

“Pada masa sama, perlu disenaraikan kategori pekerjaan yang tidak sesuai untuk WFH seperti sektor keselamatan, ke-



WFH berpotensi mengurangkan kos operasi terutama berkaitan utiliti pejabat, perjalanan rasmi dan penggunaan fasiliti.

(Foto hiasan)

sihatan, perkhidmatan kaunter dan operasi lapangan.

“Bagi mencapai penjimatan yang dihasratkan, pelaksanaan WFH juga perlu selari dengan zon operasi bangunan kerajaan, termasuk mengurangkan penggunaan ruang pejabat yang besar,” katanya.

Beliau turut mencadangkan kerajaan mempertimbangkan waktu kerja fleksibel atau jadual kerja berbeza, selain memperkuat perkhidmatan digital.

Sementara itu, Pensyarah Ka-

nan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia, Dr Muhammad Daaniyall Abd Rahman, berkata pelaksanaan WFH bagi sektor awam wajar diteliti sebagai langkah mengurangkan kesan peningkatan kos bahan api susulan ketidakstabilan geopolitik.

Katanya, pendekatan itu boleh membantu memastikan kesinambungan operasi kerajaan sambil mengurus kos secara lebih cekap.

“Antara kelebihan WFH ialah

pengurangan kos perjalanan, bil utiliti pejabat dan masa perjalanan pekerja, selain meningkatkan fleksibiliti kerja.

“Namun, cabarannya termasuk penyelarasan tugas, pemantauan prestasi dan keselamatan data. Justeru, koordinasi yang jelas amat diperlukan bagi menjayakan pendekatan ini,” katanya.

Dari sudut penjimatan, beliau berkata WFH berpotensi mengurangkan kos operasi terutama berkaitan utiliti pejabat, perjalanan rasmi dan penggunaan fasiliti.

Bagaimanapun, penjimatan sebenar hanya signifikan jika disertai pengoptimuman infrastruktur serta kemudahan digital sedia ada.

“Dalam konteks semasa, model hibrid bersasar atau sistem penggiliran mungkin lebih sesuai dilaksanakan.

“Namun pada masa hadapan, kerajaan juga boleh mempertimbangkan konsep kerja empat hari seminggu seperti yang diamalkan di beberapa negara.

“Ia bukan sahaja dapat mengurangkan kos, malah memberi manfaat kepada kesejahteraan pekerja dan alam sekitar,” katanya.